

- 1 Objektif utama subbidang perakaunan ini ialah menyediakan maklumat perakaunan kepada pengguna dalaman dan pengguna luaran.
- A Percukaian
 - B Pengauditan
 - C Perakaunan kewangan
 - D Perakaunan pengurusan
- 2 Encik Shamsuri dan rakannya menubuhkan Kedai Runcit Suri. Apakah ciri kedai runcit beliau?
- A Liabiliti tidak terhad
 - B Bilangan minimum ahli adalah 50 orang
 - C Modal disumbangkan daripada terbitan syer
 - D Dikenakan cukai atas pendapatan perniagaan
- 3 Aisyah Amalina merupakan pemilik Syarikat Berjaya Holdings Sdn. Bhd. Butiran manakah merupakan komponen hasil syarikat beliau?
- A Tunai dan overdraf bank
 - B Modal dan untung bersih
 - C Gaji dan susut nilai kenderaan
 - D Dividen dan hasil perkhidmatan
- 4 Pernyataan manakah yang menunjukkan liabiliti bukan semasa?
- I gadai janji dan bil perbendaharaan
 - II overdraf bank dan faedah atas pinjaman
 - III hutang dalam tempoh setahun perakaunan
 - IV hutang melebihi tempoh setahun perakaunan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 5 Apakah dokumen yang terlibat dalam urus niaga tunai?
- A Invois
 - B Penyata bank
 - C Nota serahan
 - D Folio pelanggan

- 6 Encik Roslan pemegang akaun semasa telah menerima satu dokumen daripada Maybank Berhad. Apakah dokumen tersebut?
- A Slip bank
B Buku resit
C Penyata bank
D Penyata akaun
- 7 Perniagaan Ahmad Enterprise menjalankan perniagaan menjual komputer telah menjual perabot terpakai secara kredit. Apakah buku catatan pertama yang digunakan untuk merekod urus niaga tersebut?
- A Jurnal Pulangan Jualan
B Jurnal Jualan
C Buku Tunai
D Jurnal Am
- 8 Jurnal Jualan berikut diperoleh daripada Perniagaan Ali pada 31 Januari 2024.

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah
2024		RM
Jan. 4	Kassim Enterprise	2 500
21	Syarikat Nasmir Sdn. Bhd.	5 000
31	X	7 500

Apakah **X**?

- A Akaun Jualan
B Jumlah Jualan
C Akaun Belum Terima
D Jumlah Jurnal Jualan

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Perabot Anne.

Pada 15 Mac 2024, Kedai Perabot Anne menerima cek RM3 500 daripada Shahril Enterprise yang menjelaskan hutangnya sebanyak RM3 800.

Catatan dalam buku tunai manakah yang betul?

A

Dt.	Buku Tunai (petikan)		
Tarikh	Butir	Diskaun	Bank
2024		RM	RM
Mac 15	Shahril Enterprise	300	3500

B

Dt.	Buku Tunai (petikan)		
Tarikh	Butir	Diskaun	Bank
2024		RM	RM
Mac 15	Shahril Enterprise		3800

C

	Buku Tunai (petikan)			Kt.
Tarikh	Butir	Diskaun	Bank	
2024		RM	RM	
Mac 15	Shahril Enterprise	300	3500	

D

	Buku Tunai (petikan)			Kt.
Tarikh	Butir	Diskaun	Bank	
2024		RM	RM	
Mac 15	Shahril Enterprise		3800	

- 10 Encik Muhaimin telah membawa masuk kenderaan peribadi untuk kegunaan perniagaan. Manakah catatan bergu yang betul?

	Akaun didebitkan	Akaun didebitkan
A	Modal	Kenderaan
B	Kenderaan	Modal
C	Modal	Pengangkutan
D	Pengangkutan	Modal

- 11 Akaun kawalan berikut diperoleh daripada Syarikat Hakimi.

Akaun Kawalan Belum Terima					
2024			2024		
		RM			RM
Mei 31	Jualan	20 500	Mei. 1	Baki b/b	200
			31	Bank	16 000
				Pulangan jualan	350
				X	250
				Baki h/b	3 700
		<u>20 500</u>			<u>20 500</u>
Jun 01	Baki b/b	3 700			

Apakah X?

- A Kontra
 - B Yuran guaman
 - C Angkutan masuk
 - D Diskaun diterima
- 12 Mengapakah peniaga perlu menilai inventori akhir pada akhir tempoh perakaunan?
- A menentukan kos belian
 - B memperoleh untung bersih
 - C menilai kos jualan dan untung kasar
 - D mengira kos barang niaga untuk dijual
- 13 Antara berikut, manakah catatan yang direkod dengan tepat dalam Akaun Perdagangan?
- I Jualan direkodkan di bahagian debit
 - II Kos Jualan direkodkan di bahagian debit
 - III Untung kasar direkodkan di bahagian kredit
 - IV Kos barang untuk dijual direkodkan di bahagian debit
- A I dan II
 - B II dan IV
 - C I dan III
 - D III dan IV

14 Maklumat berikut diambil daripada Rita Enterprise pada 30 Jun 2024.

	RM
Hartanah dan loji	35 500
Upah gudang	1 800
Gadai janji	3 500
Pengurangan peruntukan hutang ragu	1 990

Berdasarkan maklumat berikut, manakah petikan Imbangan Duga yang betul?

A Imbangan duga pada 30 Jun 2024

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Gadai janji	3 500	
Pengurangan peruntukan hutang ragu	1 990	
Hartanah dan loji		35 500
Upah gudang		1 800

B Imbangan duga pada 30 Jun 2024

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Hartanah dan loji	35 500	
Upah gudang	1 800	
Gadai janji		3 500
Pengurangan peruntukan hutang ragu		1 990

C Imbangan duga pada 30 Jun 2024

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Hartanah dan loji	35 500	
Gadai janji	3 500	
Upah gudang		1 800
Pengurangan peruntukan hutang ragu		1 990

D Imbangan duga pada 30 Jun 2024

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Upah gudang	1 800	
Pengurangan peruntukan hutang ragu	1 990	
Hartanah dan loji		35 500
Gadai janji		3 500

15 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Azimah.

	RM
Aset bukan semasa	20 000
Aset Semasa	13 960
Liabiliti bukan semasa	12 000
Liabiliti semasa	1 160

Berapakah ekuiti pemilik Perniagaan Azimah?

- A** RM16 880
- B** RM19 200
- C** RM20 800
- D** RM23 120

16 Maklumat berikut berkaitan dengan Akaun Kadar Bayaran.

	1 Januari 2023	31 Disember 2023
Kadar bayaran belum bayar	RM700	RM540

Sepanjang tahun kewangan 2023, perniagaan telah membayar kadar bayaran dengan cek RM4 350. Berapakah jumlah kadar bayaran yang akan dipindahkan ke Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2023?

- A** RM5 590
- B** RM4 510
- C** RM4 190
- D** RM3 110

17 Apakah catatan yang perlu dibuat oleh peniaga jika hutang lapuk dihapuskan bagi suatu tahun kewangan?

- A** Merekod hutang lapuk dalam Akaun belum bayar
- B** Memindahkan hutang lapuk dalam Akaun Untung Rugi
- C** Mendebitkan hutang lapuk dalam Akaun belum terima
- D** Hutang lapuk dimasukkan di bahagian Liabiliti semasa

18 Apakah rumus untuk mengira susut nilai menggunakan kaedah garis lurus?

- A
$$\frac{\text{Kos asal} - \text{usia guna}}{\text{Nilai skrap}}$$
- B
$$\frac{\text{Nilai skrap} - \text{usia guna}}{\text{Kos asal}}$$
- C
$$\frac{\text{Nilai skrap} - \text{kos asal}}{\text{Usia guna}}$$
- D
$$\frac{\text{Kos asal} - \text{nilai skrap}}{\text{Usia guna}}$$

19 Maklumat berikut berkaitan dengan aset bukan semasa Syarikat Berjaya.

Tarikh beli	1 April 2022
Mesin (kos)	RM8 000
Kadar susut nilai	10% setahun atas kos
Tarikh jual	31 Mac 2024
Harga Jualan	RM4 000

Berapakah rugi atas pelupusan aset berkenaan?

- A RM2 400
- B RM2 480
- C RM3 200
- D RM4 000

- 20 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Perniagaan Zayyan pada 31 Mac 2024.

	RM
Untung kasar	3 575
Faedah atas pinjaman	1 100
Sewa diterima	800
Kadar bayaran	720
Maklumat tambahan:	
Kadar bayaran prabayar RM180	

Berapakah untung bersih Perniagaan Zayyan?

- A RM2 375
 B RM2 735
 C RM3 155
 D RM3 335
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan kesilapan tidak ketara.

M merupakan kesilapan merekod urusaniaga di dalam akaun yang salah dan berbeza pengkelasan akaun

Apakah **M**?

- A Kesilapan amaun
 B Kesilapan prinsip
 C Kesilapan komisen
 D Kesilapan songsang
- 22 Pilih padanan yang betul bagi kegunaan nisbah berikut.

	Nisbah	Kegunaan
A	Kadar pusing ganti inventori	Mengukur kecekapan pengurusan inventori
B	Pulangan atas modal	Mengukur kadar untung kasar atas setiap ringgit modal yang dilaburkan
C	Nisbah Ujian Asid	Mengukur kemampuan firma menjelaskan hutang jangka panjang dengan cepat
D	Margin Untung Kasar	Mengukur peratus untung bersih bagi setiap ringgit jualan

- 23** Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Mr Choong bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

	RM
Inventori awal	10 200
Inventori akhir	12 140
Belian	15 780
Jualan	23 640
Untung kasar	9 800

Berapakah peratus untung kasar atas kos Jualan?

- A** 41.50%
B 55.30%
C 62.10%
D 70.80%
- 24** Apakah maklumat yang diperlukan untuk menentukan modal awal perniagaan menggunakan kaedah perbandingan?
- I Aset
II Hasil
III Belanja
IV Liabiliti
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 25** Maklumat berikut diambil daripada Haqqul Enterprise yang tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap.

	RM
Jualan kredit	82 400
Pulangan jualan	1 200
Diskaun diterima	4 200
Hutang lapuk	600
Baki akhir Akaun belum terima	12 600

Berapakah jumlah penerimaan yang diperoleh daripada Akaun belum terima bagi tahun berakhir 31 Julai 2024?

- A** RM72 200
B RM68 000
C RM65 000
D RM63 800

- 26 Cik Firzanah, pemilik kedai perabot tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Berikut ialah maklumat perniagaannya pada 31 Mac 2024.

Akaun Kawalan Belum Bayar

RM			RM		
2024			2024		
Mac 31	Bank	80 200	Mac 1	Baki b/b	12 500
	Pulangan belian	400			
	Baki h/b	16 600			

Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Tunai	Bank
2024		RM	RM	2024		RM	RM
Mac 1	Baki b/b	2 500	45 200	Mac 31	Akaun belum bayar		80 200
31	Jualan		66 700		Belian	12 600	44 200

Berapakah jumlah belian?

- A** RM56 800
B RM97 300
C RM141 500
D RM151 400
- 27 Berikut merupakan skop kerja staf Pasar raya Adam Berhad bagi aspek kawalan dalam pengendalian tunai.

	Skop Kerja
Staf 1	Menerima dan menyimpan tunai
Staf 2	Merekod dan memegang tunai yang diperoleh
Staf 3	Melulus dan membuat pembayaran

- A** Kawalan fizikal
B Pusingan tugas
C Penetapan tugas
D Pengasingan tugas

- 28** Jadual berikut menunjukkan anggaran belian Perniagaan Izzathul bagi bulan Mac hingga bulan Mei 2024.

Bulan	Anggaran belian RM
Mac	56 000
April	64 000
Mei	70 000

Maklumat tambahan:

70% daripada belian bulanan adalah secara kredit. Tempoh kredit adalah selama sebulan.

Berapakah jumlah pembayaran tunai bagi bulan Mei 2024?

- A** RM60 200
 - B** RM61 600
 - C** RM65 800
 - D** RM68 200
- 29** Manakah butir yang direkodkan di sebelah kredit Akaun Semasa?
- I Faedah atas ambilan
 - II Faedah atas modal
 - III Modal pekongsi
 - IV Ambilan
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian G-Smart.

	RM
Akaun Modal Eugene	70 000
Akaun Modal Melati	30 000
Akaun Semasa Eugene	6 440
Akaun Semasa Melati	1 250 (debit)

Manakah catatan yang tepat perlu direkodkan oleh Perkongsian G-Smart di bahagian ekuiti pemilik?

A

Ekuiti Pemilik	RM	RM
Akaun Modal Eugene	70 000	
Akaun Modal Melati	<u>30 000</u>	100 000
Akaun Semasa Eugene	6 440	
Akaun Semasa Melati	(1 250)	5 190

B

Ekuiti Pemilik	RM	RM
Akaun Modal Eugene	70 000	
Akaun Modal Melati	<u>30 000</u>	100 000
Akaun Semasa Eugene	6 440	
Akaun Semasa Melati	1 250	7 690

C

Ekuiti Pemilik	RM
Akaun Modal	100 000
Akaun Semasa	7 690

D

Ekuiti Pemilik	RM
Akaun Modal	100 000
Akaun Semasa	5 190

31 Apakah sebab berlakunya pembubaran dalam perkongsian?

- A** Seorang pekongsi mengalami kerugian
- B** Ahli keluarga pekongsi telah meninggal dunia
- C** Salah seorang daripada pekongsi telah muflis.
- D** Persetujuan pembubaran oleh sebahagian pekongsi

- 32** Berikut merupakan maklumat yang dipetik daripada perniagaan Perkongsian JJT pada tarikh pembubaran.

	RM
Jumlah aset (termasuk bank RM10 200)	126 840
Jumlah liabiliti	6 880
Kos pembubaran	1 600

Semasa pembubaran, semua aset telah dijual sebanyak RM103 000. Berapakah jumlah rugi realisasi?

- A** RM15 240
 - B** RM22 760
 - C** RM32 960
 - D** RM39 840
- 33** Manakah yang menunjukkan ciri-ciri bagi syer keutamaan?

- A** Mempunyai hak untuk mengundi
- B** Dividen dibayar selepas syer biasa
- C** Tidak berhak menerima tunggakan
- D** Kadar dividen adalah tetap

- 34** Berikut merupakan maklumat dividen yang diterima daripada Encik Firdaus.

Encik Firdaus telah membeli 6 % syer keutamaan pada 25 Januari 2023 sebanyak 15 000 unit dengan harga RM2 sesyer. Pada 31 Julai 2023, syarikat telah memutuskan untuk membuat pembayaran dividen interim dan Encik Firdaus telah menerima sebanyak RM900.

Pada akhir tempoh perakaunan 31 Disember 2023, syarikat telah memutuskan untuk membuat pembayaran dividen akhir kepada pemegang 6% syer keutamaan.

Berapakah dividen akhir yang diterima oleh Encik Firdaus?

- A** RM750
- B** RM900
- C** RM1 650
- D** RM1 800

35 Antara berikut butiran manakah yang akan direkodkan dalam Akaun Penerimaan bagi Kelab dan Persatuan?

- I Alat tulis
- II Hadiah pertandingan
- III Yuran pertandingan
- IV Yuran ahli

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

36 Maklumat berikut merupakan Akaun Yuran yang diperolehi daripada Kelab Bola Keranjang Raya.

Akaun Yuran							
2024			RM	2024			RM
Jan	1	Baki b/b	380	Jan	1	Baki b/b	180
Jun	30	Pendapatan dan	1 436	Jun	30	Bank	1 820
		Perbelanjaan					
		Baki h/b	404			Baki h/b	220
			<u>2 220</u>				<u>2 220</u>

Pernyataan manakah yang benar berkaitan Akaun Yuran tersebut?

- A** Yuran sebenar diterima adalah sebanyak RM1 820
- B** Yuran belum terima bernilai RM180
- C** Yuran diterima tahun 2023 adalah sebanyak RM1 436
- D** Yuran tahun 2025 yang telah diterima sebanyak RM404

37 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Memanah Sejati.

	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Kenderaan	50 000	
Perabot	18 400	
		68 400
Aset Semasa		
Tunai	3 000	
Bank	17 600	
	20 600	
Liabiliti Semasa		
Akaun belum bayar	5 000	

Berapakah dana terkumpul kelab tersebut?

- A RM15 600
 - B RM47 800
 - C RM84 000
 - D RM94 000
- 38 Kilang Beras Merah telah membuat pembayaran gaji kepada pengurus kilang sebanyak RM4 500 sebulan.
- Komponen manakah yang akan direkodkan dalam Akaun Pengeluaran bagi Kilang Beras Merah?
- A Kos prima
 - B Kos overhed
 - C Belanja langsung
 - D Kos buruh langsung
- 39 Apakah tujuan bagi titik pulang modal?
- A meningkatkan jualan dalam perniagaan
 - B membantu perniagaan mengira untung bersih
 - C menilai kemampuan perniagaan menjelaskan hutang
 - D menentukan keuntungan perniagaan berdasarkan pengeluaran
- 40 Butiran manakah yang diambil kira untuk menghitung titik pulang modal?
- A Harga jualan seunit
 - B Modal perniagaan
 - C Kos pengeluaran
 - D Kos jualan

KERTAS SOALAN TAMAT

